



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN BERKIBAR BERSAMA LANGKAH CERIA KOMUNITI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 17 Januari 2016 – Dataran Putrajaya hari ini dipenuhi dengan Kibaran Bendera Wilayah Persekutuan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 yang bermula seawal 6.30 pagi. Program ini diadakan bersekali dengan Langkah Ceria @Putrajaya yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 (SHWP 2016) yang disambut pada **1 Februari** setiap tahun. Melalui kempen ini akan menyemarakkan semangat mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan dan juga dapat menyemai semangat cintakan Wilayah Persekutuan dengan lebih mendalam. Menjadi aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria yang mempunyai persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan dalam segala aspek menjadi keutamaan untuk memastikan semangat perpaduan yang teguh terjalin di semua peringkat lapisan masyarakat.

3. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan telah diadakan selama 10 tahun bermula sejak Bendera Wilayah Persekutuan diwartakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII pada 20 Ogos 2006. Untuk tahun 2016, Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan diadakan secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Kempen Kibar Bendera Wilayah

Persekutuan Peringkat Putrajaya diadakan bersama-sama dengan Program Langkah Ceria @ Putrajaya.

4. Sempena kempen ini juga, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengedarkan sebanyak 5,800 bendera kepada 25 sekolah dan 110 persatuan penduduk. Manakala sebanyak 1,000 bendera Wilayah Persekutuan bersaiz besar telah dipasang di sekitar kawasan kediaman komuniti dan jalan-jalan protokol Putrajaya. Selain itu terdapat aktiviti lain pada hari yang sama di mana sebanyak 1500 kenderaan dikumpulkan dalam program Putrajaya *Autoshow Convoy and Gathering* manakala sebanyak 100 buah kereta dan 50 buah motosikal pula akan mengedarkan bendera Wilayah Persekutuan kepada komuniti.
5. Melalui Kempen Kibar Bendera ini diharapkan agar nilai-nilai murni seperti rasa sayang atau ‘*sense of belonging*’ kepada Wilayah Persekutuan di kalangan warga Wilayah Persekutuan akan dapat disemai dan dipupuk bagi mencapai matlamat membangunkan bersama kecemerlangan dan kegemilangan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang Maju dan Sejahtera. Diharapkan juga program ini dapat memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada mereka untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan bagi memeriahkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
17 Januari 2016
Putrajaya**